

Impak Dialek Melayu Sabah ke atas Bahasa Ibunda Generasi Muda Etnik Kadazandusun

The Impact of Sabah Malay Dialect Mother Tongue as the Primary Language among the Kadazandusun Ethnic Younger Generation

NOOR AINA DANI & SYERIL PATRISIA KINING

ABSTRAK

Peranan dialek Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi dalam kalangan generasi muda etnik Kadazandusun telah mengubah fungsi bahasa ibunda sebagai bahasa utama. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti impak dialek Melayu Sabah dalam komunikasi sehari-hari oleh sampel kajian dengan mengambil kira kata bahasa Melayu yang telah diserap kekal ke dalam kosa kata Kadazandusun, di samping faktor yang mempengaruhi perubahan penggunaan bahasa. Sejumlah 300 pelajar daripada empat universiti awam di Malaysia dipilih menjadi sampel kajian. Data kajian diperoleh daripada tinjauan yang menggunakan soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa dialek Melayu Sabah lebih kerap digunakan oleh generasi muda etnik Kadazandusun dalam komunikasi sehari-hari berbanding dengan bahasa ibunda. Walau bagaimanapun, sikap mereka terhadap dialek tersebut adalah sederhana tinggi. Penyelidik mendapati bahawa perkataan bahasa Melayu yang telah diserap ke dalam bahasa ibunda oleh sampel merangkumi peralatan, perasaan, dan objek baharu yang tiada dalam kosa kata Kadazandusun. Selain itu, faktor perubahan penggunaan bahasa dalam kalangan sampel yang paling dominan merupakan keperluan penggunaan bahasa mengikut peredaran masa.

Kata kunci: *Dialek Melayu Sabah; bahasa ibunda; generasi mud; etnik Kadazandusun; teori perubahan bahasa*

ABSTRACT

The role of Sabah Malay dialect as the language of communication among the Kadazandusun ethnic younger generation has changed the function of mother tongue as the primary language. This research aims to examine the impact of Sabah Malay dialect on the samples daily communication by taking into account the Malay words which have been absorbed into the Kadazandusun vocabulary, as well as factors affecting changes in language use. A total of 300 students from four public universities in Malaysia were selected as samples of the study. Data were obtained from a survey which made use of questionnaires. The results of the study showed that Sabah Malay dialect was used more often by the younger generation of ethnic Kadazandusun in daily communication compared to the mother tongue. Nonetheless, their attitudes toward the dialect were moderately high. Researchers found that the Malay words, which had been absorbed into the mother tongue by samples included tools, affection, and new objects, which were absent in the Kadazandusun vocabulary. In addition, the most dominant language change factor in language use among samples was language needs over time.

Keywords: *Sabah Malay dialect; mother tongue; younger generation; ethnic Kadazandusun ethnic; theory of language change*

PENGENALAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa menjadi pengantara yang membolehkan tingkah laku, nilai moral, dan mitologi sesuatu masyarakat diturunkan kepada generasi yang seterusnya. Dalam hal ini, bahasa yang bersinonim dengan kebanyakan masyarakat peribumi di Sabah terdiri daripada bahasa sukuan yang berbeza-beza mengikut budaya setempat (Noor Aina Dani 2007). Bahasa sukuan peribumi Sabah digunakan dengan

meluas sejak turun-temurun. Keadaan ini semakin berubah sejak bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah vernakular, iaitu satu-satunya pusat pendidikan yang memberi peluang kepada anak-anak peribumi Sabah mendapatkan pendidikan formal (Dayu Sansalu 2008). Pada masa yang sama, masyarakat peribumi Sabah terdedah kepada pelbagai bahasa luar yang dibawa masuk oleh penjajah yang pernah memerintah negeri Sabah. Hal ini terdapat dalam rentetan sejarah pendidikan di Sabah dengan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Bahasa Melayu dikatakan muncul kemudian selepas bahasa Inggeris dan bahasa Cina diperkenalkan dalam bidang pendidikan di Sabah. Walau pun begitu, dua bahasa terawal berkenaan tidak banyak mempengaruhi kosa kata bahasa ibunda masyarakat peribumi di Sabah jika dibandingkan dengan bahasa Melayu sebagai agen perubahan bahasa.

Hockett (1958) berpendapat bahawa perubahan bahasa berlaku mengikut peredaran masa dan tanpa disedari kerana bunyi bahasa berubah secara beransur-ansur daripada sebutan asal. Bersandarkan pendapat tersebut, tidak hairanlah jika komunikasi sehari-hari generasi muda etnik Kadazandusun dipengaruhi kosa kata bahasa Melayu. Dialek Melayu Sabah digunakan sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah. Keadaan ini seolah-olah akan mengambil alih peranan bahasa ibunda sebilangan masyarakat peribumi.

PERNYATAAN MASALAH

Perubahan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat peribumi di Sabah berlaku tanpa dirancang. Pengenalan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dan dialek Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi mempengaruhi kosa kata bahasa ibunda masyarakat peribumi di Sabah. Sebahagian besar leksim bahasa Melayu yang masuk ke dalam kosa kata bahasa masyarakat peribumi Sabah berdasarkan kaedah penyerapan. Melalui kaedah penyerapan, kata bahasa Melayu diterima dengan penyesuaian bunyi dan ejaan bahasa ibunda. Peminjaman dan pemilihan kekal kata Melayu memperkaya kosa kata bahasa ibunda, akan tetapi pada masa yang sama melahirkan campur kod dalam bahasa lisan sebagai titik permulaan ke arah bahasa rojak.

Dialek Melayu Sabah dituturkan secara meluas di serata Sabah. Keadaan ini berlaku tidak kira dalam situasi yang formal ataupun santai. Sejarah dialek Melayu Sabah tidak dapat dijelaskan dengan nyata oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Sebagai contoh, pengaruh yang kuat daripada dialek Melayu Sabah terhadap salah satu daripada bahasa suku-suku di Sabah, iaitu bahasa Kadazandusun menunjukkan bahawa dialek Melayu Sabah merupakan suatu ancaman terhadap mandiri bahasa tersebut. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, golongan penutur jati bahasa Kadazandusun mempunyai sikap dan persepsi yang baik terhadap dialek Melayu Sabah. Sikap dan persepsi sedemikian mempunyai

hubung kait dengan pemilihan bahasa dalam komunikasi sehari-hari dan faktor ekstra linguistik perubahan bahasa.

Kebanyakan generasi muda masyarakat peribumi Sabah tidak menggunakan bahasa ibunda dalam pertuturan sehari-hari kendatipun dengan ibu bapa dan adik-beradik. Keadaan ini seperti tiada titik noktah yang dijangka akan berterusan. Kedudukan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama semakin goyah. Hal ini merubah peranan bahasa ibunda sebagai bahasa komunikasi sehari-hari pada suatu masa dahulu, di samping menghakis status bahasa ibunda sebagai bahasa pertama.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Menentukan impak dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazandusun, dan
2. Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa generasi muda etnik Kadazandusun mengikut gagasan teori perubahan bahasa.

RUANG LINGKUP DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas 300 pelajar etnik Kadazandusun yang berasal daripada daerah-daerah yang berlainan di negeri Sabah. Mereka terdiri daripada penuntut di empat buah universiti pengajian awam di Malaysia. Meskipun memiliki nama suku kaum yang sama, sampel mempunyai perbezaan idiolek mengikut daerah masing-masing. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 sampel yang bertujuan untuk menguji ketekalan item-item soal selidik. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik jenis soalan terbuka dan tertutup. Fokus kajian ialah generasi muda etnik Kadazandusun dan penggunaan dialek Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi, kata bahasa Melayu yang diserap kekal dalam kosa kata Kadazandusun dan faktor perubahan bahasa yang menghakis penggunaan bahasa ibunda mengikut gagasan teori perubahan bahasa yang dipelopori oleh tokoh-tokoh sarjana Barat.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian penggunaan dialek Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi oleh generasi muda Kadazandusun wajar dilakukan kerana kurang mendapat tumpuan kajian dalam kalangan pengkaji bahasa. Meskipun kajian dari hal teori perubahan bahasa telah dikaji oleh beberapa pengkaji bahasa, tumpuan adalah lebih kepada golongan muda dan tua, misalnya kajian Noor Aina Dani dan Mhd. Amin Arshad (2007). Dalam makalah ini, sampel kajian dikhurasukan kepada golongan pelajar yang mewakili generasi muda peribumi Sabah kerana penyelidik berpendapat generasi muda kini semakin kurang menggunakan bahasa ibunda. Tanpa mereka sedari, mereka ialah agen perubahan bahasa yang menyumbang kepada kepupusan bahasa ibunda mereka sendiri.

Kosa kata bahasa Kadazandusun pada masa ini mengandungi kata bahasa Melayu yang telah dipinjam kekal oleh penutur jati bahasa tersebut. Penyelidik musykil sama ada sesuatu perkataan yang merujuk objek yang sama tetapi bunyi yang sedikit berbeza dengan bahasa Melayu ialah kata asli bahasa Kadazandusun. Hal ini kerana terdapat pelbagai perkataan dalam bahasa Kadazandusun yang hampir sama bunyi sebutan dengan bahasa Melayu. Perkataan ini juga digunakan secara meluas dalam kalangan generasi tua. Sebagai contoh kata / meja/. Dalam bahasa Kadazandusun/mija/ digunakan oleh penutur jati untuk merujuk simbol atau objek yang sama. Salah satu daripada tujuan kajian ini adalah untuk mengumpul perkataan bahasa Melayu yang telah diserap dan diubahsuai bunyinya oleh penutur Kadazandusun. Pengumpulan perkataan ini memudahkan generasi muda mengenal kata pinjaman yang terdapat dalam kosa kata bahasa Kadazandusun.

Berdasarkan kajian rintis oleh penyelidik, didapati kebanyakan ibu bapa penuntut menggunakan bahasa Kadazandusun pada tahap yang rendah, iaitu ‘Kadang-kadang’ apabila berkomunikasi dengan anak-anak di rumah. Ibu bapa merupakan agen sumber bahasa pertama dalam kehidupan anak-anak. Pemerolehan bahasa pertama anak-anak pula kebanyakannya masa bergantung pada input bahasa di rumah. Generasi muda merupakan golongan pelapis yang bakal menurunkan bahasa ibunda kepada pewaris baharu pada masa hadapan. Penelitian perubahan bahasa dalam kalangan generasi muda Kadazandusun bakal menjadi rujukan kepada para penyelidik, badan atau persatuan yang berminat meneruskan kajian ini.

DEFINISI KAJIAN

IMPAK DIALEK MELAYU SABAH

Kesan dialek Melayu Sabah dalam komunikasi sehari-hari generasi muda etnik Kadazandusun. Struktur bunyi dialek Melayu Sabah mengalami pengubahsuaian berdasarkan penggunaan masyarakat di Sabah dan berbeza dengan bahasa Melayu baku yang digunakan di Semenanjung Malaysia. Dialek ini semakin meluas digunakan oleh generasi muda di Sabah.

BAHASA IBUNDA

Bahasa Kadazandusun yang dituturkan secara khusus oleh etnik Kadazandusun dan diwarisi daripada leluhur mereka secara turun-temurun.

GENERASI MUDA ETNIK KADAZANDUSUN

Sampel yang terdiri daripada etnik Kadazandusun. Mereka ialah penuntut universiti pengajian awam di Malaysia. Mereka berasal daripada daerah-daerah yang berlainan di negeri Sabah. Di Sabah, perkataan Kadazandusun digunakan untuk merujuk orang Dusun dan orang Kadazan. Kedua-dua kelompok ini kemudian disatukan dalam satu identiti baharu masyarakat peribumi Sabah, iaitu ‘Kadazandusun’ (Dayu Sansalu 2008). Menurut Persatuan Kebudayaan Kadazan (KDCA), Kadazan, Dusun atau Kadazandusun merujuk kepada semua golongan etnik yang tergolong dalam keluarga Dusun, Paitan, dan Murut (Raymond Boin Tombung 1991).

BAHASA KOMUNIKASI HARIAN

Bahasa yang digunakan oleh sampel kajian untuk berkomunikasi dengan orang-orang yang dikenali atau tidak dikenalinya, dalam konteks formal dan waktu santai.

SOROTAN KAJIAN

Collin (1991) menyatakan bahawa dialek Melayu Sabah dapat digolongkan sebagai sub dialek Melayu Brunei kerana banyak persamaan kosa kata dan fonologi antara kedua-dua dialek. Asmah Haji Omar (2008) berpendapat dialek Melayu di Sabah dan Sarawak terdiri daripada dialek Sarawak,

Brunei, dan Kedayan. Dalam dialek Brunei berlaku peleburan vokal yang terdapat dalam sistem enam-vokal asas: *i* dan *e*-taling lebur menjadi *i* sahaja; *e*-pepet dan *a* lebur menjadi *a* sahaja; *u* dan *o* lebur menjadi *u* sahaja. Dengan proses ini, yang tinggal hanya *a*, *i*, dan *u*. Kajian terhadap dialek Melayu di Sabah masih kurang dijalankan oleh pengkaji tempatan. Salah seorang pengkaji ialah Jaluddin Haji Chuchu (2003) yang menegaskan walaupun ada beberapa kajian tentang bahasa-bahasa sukuan di Sabah, penyelidikan terperinci dan mendalam terhadap dialek Melayu Sabah belum dipelopori oleh mana-mana pengkaji. Beberapa sarjana telah membuat penelitian umum terhadap bahasa Melayu di Sabah, namun lebih memberi tumpuan terhadap bahasa sukuan. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang telah dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1983) ke atas bahasa Bajau, Bisayah, Dusun/Kadazan, Ilanun, Lun Dayeh, Murut, Paitan dan Suluk. Pengkaji lain yang telah mengkaji bahasa di Sabah ialah Abdul Hamid (1993) berkaitan fonologi bahasa Sungai. Abdul Hamid mendapatkan bahawa bahasa Sungai agak mirip dengan dialek Melayu di Sabah.

Chong Shin (2009) telah menjalankan kajian tentang dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. Chong Shin berjaya menemui tiga variasi dialek Melayu di kawasan kajian, iaitu dialek Melayu Sarawak, dialek Melayu Brunei dan bahasa Melayu Baram. Dari segi linguistik, dialek Melayu Sarawak di Lembah Baram dikenal pasti sama dengan yang terdapat di Rejang, Saribas, dan Kuching. Dialek Melayu Brunei di Lembah Baram ialah Subdialek Melayu Brunei dengan sistem tiga vokal. Dialek tersebut lebih merupakan bahasa pasar yang digunakan oleh suku-suku peribumi bukan penutur dialek Melayu di sekitar Lembah Baram.

Sekumpulan pengkaji teori bahasa percaya bahawa bahasa merupakan adaptasi kerana bahasa perlu diperkembangkan agar dapat diamalkan oleh manusia sebagai sarana komunikasi (Rahmila Murtiana 2012). Sebaliknya, Ellis (2008) berpendapat bahawa bahasa berubah kerana faktor penggunaan sesuatu masyarakat bahasa. Ellis memberi satu contoh perubahan fonologi yang disebabkan oleh penggunaan kerap perkataan tertentu menyebabkan sebutan bercapah ekoran penyimpangan makna daripada perkataan yang asal. Satu kajian tentang perubahan penggunaan bahasa dalam kelompok sosial pelajar Kadazandusun di Penampang, Sabah pernah dijalankan oleh Cheong Shaw Mei (2011). Kajian ini dilakukan secara intensif ke atas satu unit masyarakat sekolah berdasarkan tiga teori,

iaitu Teori Penyimpangan Rawak (Hockett 1958), Teori Fesyen dan Ketidaktentuan Rawak (Postal 1968) serta Teori Stratum Bawah (Aitchison 1998). Signifikan daripada kajian ini ialah pembuktian teori berdasarkan kesesuaian konteks dan situasi bahasa dalam masyarakat setempat. Cheong mendapati bahawa status bahasa ibunda sampel kajian berada pada kedudukan yang stabil. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan terdapat persamaan perubahan penggunaan bahasa antara pelajar di dalam bandar dan di luar bandar.

Hazadiah Mohamad Dahan et al. (2010) pernah mengkaji kesan teknologi terhadap penggunaan bahasa dan potensi teknologi untuk merangsang perubahan bahasa di Malaysia. Kajian ini memberi fokus kepada laman sosial *Facebook*. Para pengkaji telah meneliti aktiviti yang dilakukan oleh 50 orang sampel semasa berinteraksi dalam laman sosial. Hasil penelitian menunjukkan bahasa Malaysia yang digunakan lebih kepada dialek atau bahasa daerah. Sampel cenderung mencampur kod bahasa Inggeris-Melayu yang berisiko untuk merubah penggunaan bahasa dalam komunikasi harian.

Kajian Ding (2010) terhadap perubahan fonologi ke atas bahasa Kantonis yang digunakan oleh masyarakat di Hong Kong sebagai bahasa ibunda turut menunjukkan telah berlaku perubahan bahasa Kantonis yang ketara, khususnya bahasa Kantonis generasi muda yang telah berhijrah dari tanah besar China ke Hong Kong.

KEPUTUSAN KAJIAN

IMPAK DIALEK MELAYU SABAH KE ATAS BAHASA IBUNDA GENERASI MUDA ETNIK KADAZANDUSUN

Impak dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazandusun ditentukan dengan meneliti jumlah kekerapan penggunaan dalam komunikasi sehari-hari. Penggunaan dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazandusun dipaparkan pada Jadual 1. Penggunaan bahasa ibunda oleh generasi muda etnik Kadazandusun (singkatan GMEK) untuk kategori ‘selalu’ adalah sebanyak 17 peratus manakala kategori ‘kadang-kadang’ adalah lebih tinggi, iaitu 41 peratus. Penggunaan bahasa ibunda untuk kategori ‘jarang-jarang’ adalah sebanyak 31 peratus. Terdapat sebanyak 11 peratus sampel ‘tidak pernah’ bertutur bahasa ibunda dalam sehari. Dapatkan kajian

ini menunjukkan kebanyakan penggunaan bahasa ibunda oleh sampel dalam sehari termasuk dalam kategori ‘kadang-kadang’.

Tinjauan ke atas kekerapan penggunaan dialek Melayu Sabah dalam komunikasi seharian menunjukkan sebanyak 90 peratus sampel memilih kategori ‘selalu’. Penggunaan dialek Melayu Sabah

untuk kategori ‘kadang-kadang’ adalah sebanyak 7 peratus dan ‘jarang-jarang’ sejumlah 3 peratus. Perbandingan data daripada Jadual 1 memberi petunjuk bahawa sampel ‘selalu’ menggunakan dialek Melayu Sabah dalam komunikasi seharian, iaitu sebanyak 270 bersamaan 90 peratus berbanding bahasa ibunda yang hanya 60 atau 17 peratus.

JADUAL 1. Penggunaan dialek Melayu Sabah dan bahasa ibunda dalam komunikasi seharian GMEK

Kategori	Selalu	Kadang-kadang	Jarang-jarang	Tiada	Jumlah
Dialek Melayu Sabah	270 (90%)	20 (7%)	10 (3%)	0	300 (100%)
Bahasa Ibunda	60 (17%)	120 (41%)	90 (31%)	30 (11%)	300 (100%)

Bahasa yang dipilih oleh sampel sewaktu berhubung dengan masyarakat dalam pelbagai situasi ialah dialek Melayu Sabah. Maklumat yang berkaitan dengan peranan Dialek Melayu Sabah sebagai bahasa perantara ditunjukkan pada Jadual 2. Dialek Melayu Sabah ialah bahasa pilihan yang mencatatkan peratus tertinggi dengan jumlah 87 peratus. Pemilihan dialek Melayu Sabah adalah jelas dalam situasi bercakap dengan guru atau pensyarah yang berasal daripada suku kaum yang sama. Maklumat ini menzahirkan makna bahawa bahasa ibunda tidak diperaktikkan oleh kebanyakan sampel sekalipun mereka bercakap dengan orang yang berasal daripada suku kaum yang sama. Lebih daripada itu, dialek Melayu Sabah juga menjadi bahasa pilihan utama ketika berinteraksi dalam situasi tidak formal kerana sebanyak 83 peratus sampel telah memilih dialek Melayu Sabah apabila bercakap dengan jiran atau rakan yang berasal daripada kaum lain juga kaum sendiri. Berdasarkan kajian lapangan ini, didapati bahawa penggunaan bahasa ibunda bukan lagi satu amalan rutin meskipun sampel berada di rumah. Hanya sebilangan kecil, iaitu 10 peratus daripada sampel tidak menggunakan dialek Melayu Sabah, manakala 13 peratus lagi bertutur campuran dialek Melayu Sabah dan bahasa ibunda. Jumlah penggunaan dialek Melayu Sabah di rumah adalah tinggi, iaitu sebanyak 77 peratus.

Selanjutnya, penggunaan dialek Melayu Sabah dalam kalangan sampel apabila bercakap dengan orang yang lebih tua mencatatkan peratus yang tinggi. Bersesuaian dengan jangkaan penyelidik, dialek Melayu Sabah ialah bahasa lisan yang utama jika dibandingkan dengan bahasa ibunda. Sampel sebagai generasi baharu kini lebih selesa menggunakan dialek Melayu Sabah dalam berkomunikasi dengan orang yang lebih tua. Kenyataan ini disokong dengan data kajian yang terkandung dalam Jadual 2, iaitu 70 peratus bersamaan 210 sampel memilih dialek Melayu Sabah apabila bercakap dengan orang yang lebih tua daripadanya.

Beberapa kata bahasa Melayu yang telah dipinjam, diubahsuai, seterusnya digunakan secara berterusan oleh penutur bahasa Kadazandusun. Peminjaman jenis ini adalah disebabkan rujukan untuk sesuatu benda, perkara atau objek yang tiada dalam kosa kata asal bahasa Kadazandusun. Kosa kata bahasa Melayu diubahsuai mengikut sistem bunyi bahasa Kadazandusun. Jadual 3 menunjukkan kata baharu yang berkaitan. Kosa kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Melayu dalam Jadual 3 telah sebati penggunaannya bukan hanya pada kata itu sendiri, bahkan dapat melengkapi makna frasa dan ayat bahasa Kadazandusun.

JADUAL 2. Bahasa pilihan sampel mengikut jenis penutur

Bil.	Soalan	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu Baku	Bahasa Ibunda	Campuran DMS dan Bahasa Ibunda	Dialek Melayu Sabah
1.	Apakah bahasa yang anda gunakan apabila bercakap dengan ibu bapa anda di rumah?	-	-	30 (10%)	40 (13%)	230 (77%)
2.	Apakah bahasa yang anda gunakan apabila bercakap dengan jiran atau kawan setempat?	-	-	20 (7%)	40 (13%)	240 (80%)
3.	Apakah bahasa yang anda gunakan apabila bercakap dengan guru-guru/pensyarah dari suku kaum yang sama dengan anda?	-	-	40 (13%)	-	260 (87%)
4.	Apakah bahasa yang anda gunakan apabila bercakap dengan orang atau kawan yang bukan dari suku kaum anda?	10 (4%)	40 (13%)	-	-	250 (83%)
5.	Apakah bahasa yang anda gunakan apabila bercakap dengan guru/pensyarah yang berasal dari negeri lain?	100 (33%)	200 (67%)	-	-	-
6.	Apakah bahasa yang anda gunakan pada masa pembelajaran dalam Bahasa Melayu?	-	250 (83%)	-	-	50 (17%)
7.	Apakah bahasa yang anda gunakan di dalam bilik kuliah pada masa pelajaran lain?	150 (50%)	100 (33%)	-	-	50 (17%)
8.	Apakah bahasa yang anda gunakan sewaktu bercakap dengan guru di dalam bilik kuliah?	16 (53%)	14 (47%)	-	-	-
9.	Apakah bahasa yang anda gunakan sewaktu bercakap dengan guru di luar bilik kuliah?	14 (47%)	16 (53%)	-	-	-
10.	Apakah bahasa yang anda gunakan sewaktu bercakap dengan orang yang lebih tua daripada anda?	1 (3%)	5 (17%)	2 (7%)	1 (3%)	21 (70%)

JADUAL 3. Senarai kata bahasa Melayu (BM) yang telah diubahsuai oleh penutur bahasa Kadazandusun

Bil.	Kata BM	Ubahsuai Kata dalam BKD	Bil.	Kata BM	Ubahsuai Kata dalam BKD
1	Pandai	Apandai	20	Kereta	Korita
2	Lambat	Alambat	21	Ketua	Kotua
3	Bas	Baas	22	Kolam	Kulam
4	Bedak	Badak	23	Kelambu	Kulambu
5	Belacan	Balasan	24	Kunci	Kunsi
6	Baca	Basao	25	Kopi	Kupi
7	Baldi	Bolidi	26	Keropok	Kurupuk
8	Buku	Buuk	27	Kotak	Kutak
9	Dompet	Dumpit	28	Lampu	Lampung
10	Gelas	Galas	29	Lima	Limo
11	Garfu	Garapu	30	Mata	Mato
12	Gergaji	Garagaji/Garagadi	31	Minyak	Miyak
13	Gincu	Ginsu	32	Pintar	Opintar
14	Gereja	Gorija	33	Rindu	Orindu
15	Jam	Ja'am	34	Sibuk	Osibuk
16	Kembar	Kambar	35	Pemadam	Pamadam
17	Kerbau	Karabou/Kerabau	36	Pembaris	Pambaris
18	Sedar	Kasarad	37	Penyapu	Panyapu
19	Kicap	Kisap	38	Perut	Parut

39	Perintah	Porintah
40	Polis	Pulis
41	Pondok	Punduk
42	Roti	Ruti
43	Sedap	Sadap
44	Cadar	Sadar
45	Cangkul	Sangkul
46	Cikgu	Sigu

47	Senduk	Sonduk
48	Selipar	Soripal
49	Seluar	Sorual
50	Surau	Surou
51	Tanah	Tana'
52	Tepung	Tapung
53	Tilam	Tilom
54	Tolong	Tulungo

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENGGUNAAN BAHASA GENERASI MUDA
ETNIK KADAZANDUSUN MENGIKUT
GAGASAN TEORI PERUBAHAN BAHASA**

Penulis telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan beberapa gagasan Teori Penyimpangan Bunyi, Teori Fesyen dan Ketidaktentuan Rawak serta Teori Stratum Bawah (Noor Aina Dani 2004). Penulis menggunakan gagasan ketiga-tiga teori perubahan bahasa yang diutarakan oleh tokoh-tokoh sarjana Barat sebagai item-item soal selidik. Penulis juga memetik pendapat Charles Hockett (1958), *linguist* dari Amerika, bahawa perubahan bahasa yang tidak menentu dan sewenang-wenang terjadi tanpa disedari kerana bunyi bahasa berubah secara beransur-ansur daripada sebutan asal. Hockett mengusulkan hipotesis bahawa sewaktu bercakap, dengan tidak sengaja si penutur mengucapkan satu bunyi pertuturan, penutur seolah-olah menghalakan bunyi pertuturan ke satu mata sasaran yang unggul. Bahasa lisan lazimnya mudah difahami daripada bahasa tertulis walaupun bukan semua bunyi bahasa disebut oleh penutur dengan sempurna. Ada penutur kurang berhati-hati semasa membuat lontaran ke arah “mata sasaran” (*Bull's-eye*). Berikut ialah hipotesis Hockett yang dipetik daripada teori penyimpangan bunyi:

Sewaktu penutur bercakap, gerakan artikulasi yang dianggap sebagai satu lontaran tidak mengenai sasaran. Lontaran yang dilakukan oleh penutur kadang-kadang terlebih atau terkurang daripada mata sasaran. Pada kebanyakan masa, keperluan gerak balas lisan yang pantas sebagai respons kepada pendengar menyebabkan penutur cuai menggunakan bunyi bahasa yang tepat. Lontaran yang sepatutnya ditujukan ke tanda (t), tersasar berhampiran atau jauh daripada tanda (t). Lontaran penutur terhimpun di sekeliling satu titik kekerapan. Lama-kelamaan, semakin banyak lontaran yang tidak mengenai mata sasaran tetapi terhimpun di sekeliling satu

titik kekerapan. Daripada hipotesis ini, Hockett merumuskan bahawa manusia banyak mendengar bunyi-bunyi yang bertabur pada satu titik kekerapan. Akhirnya, mereka mula beranggapan bahawa mata sasaran yang betul terletak pada titik kekerapan yang maksimum walaupun anggapan itu tidak benar.

Satu titik kekerapan mewakili satu bunyi yang menyimpang secara beransur-ansur daripada bunyi kata yang asal. Bunyi inilah yang digunakan oleh kebanyakan ahli dalam sesuatu masyarakat yang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang sama.

Teori penyimpangan bunyi yang dikemukakan oleh Hockett tidak mempunyai arah lontaran yang tetap. Sesuatu bunyi bahasa boleh menyimpang jauh daripada bunyi yang asal. Pada satu ketika bunyi yang sama kembali pula menghampiri bunyi bahasa yang asal. Keadaan ini berterusan tanpa kesudahan. Walau bagaimanapun, teori penyimpangan bunyi yang dikemukakan oleh Hockett (1958), serba sedikit dapat memberi gambaran tentang proses perubahan bahasa.

Mengikut pandangan seorang *linguist* yang bernama Paul Postal (1968), (pandangan yang lebih kurang sama dengan Hockett), perubahan bahasa berlaku tanpa dirancang, tidak menentu, dan secara sewenang-wenang. Postal menyamakan perubahan bahasa dengan perubahan fesyen pakaian kerana trend yang merangsang perubahan fesyen pakaian sukar diramal. Postal memberi contoh fesyen jaket yang sering berubah-ubah mengikut cita rasa pembeli. Pada tahun tertentu, jaket dibubuh tiga butang. Pada tahun yang lain pula, fesyen jaket tiga butang sudah tidak diminati ramai, maka fesyen jaket berubah lagi. Mengikut Postal, bahasa juga berubah mengikut trend semasa kerana budaya manusia itu sendiri yang cenderung mengubah gaya hidup. Oleh yang demikian, perubahan bunyi dalam sesuatu bahasa tetap berlaku mengikut peredaran masa, dan boleh berlaku meskipun tanpa sebarang komunikasi secara langsung dengan bahasa tamu.

Aitchison (1998) berpendapat, perubahan bahasa berlaku kerana adanya serapan elemen daripada bahasa asing. Pandangan ini terkandung dalam Teori Stratum Bawah yang dikemukakan oleh Aitchison. Dikatakan bahawa apabila kaum pendatang sampai ke sesuatu kawasan yang baharu, atau apabila penduduk asli sesuatu kawasan rasa selesa menggunakan bahasa penjajah di kawasan itu, penduduk asli belajar bahasa penjajah tetapi menggunakan bahasa itu dengan tidak sempurna. Kemudian, golongan dewasa menurunkan bahasa yang tidak sempurna kepada anak-anak dan orang lain yang berada di dalam lingkungan interaksi sosialnya. Perbuatan ini akhirnya menyebabkan bahasa itu diubahsuai mengikut keperluan masyarakat setempat. Dalam situasi ini, bahasa yang diambil dan digunakan itu tidak selalu bergerak

ke arah bahasa stratum bawah. Kadang-kadang pendatang baharu cuba membuat pembetulan yang melampaui terhadap loghat bahasa yang dianggap salah. Hal ini bukan sahaja menyebabkan bahasa itu melenceng daripada bahasa stratum bawah, bahkan berlaku perubahan pada bahasa yang diambil dan digunakan itu.

Dalam bahagian ini, penulis memanfaatkan beberapa item soal selidik yang dipetik daripada Dani et al. (2011) berkaitan gagasan asal Teori Fesyen dan Ketidaktentuan Rawak (Postal 1968) dan Teori Stratum Bawah (Aitchison 1998). Jawapan terkumpul daripada jawapan oleh sampel digunakan sebagai panduan untuk menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan penggunaan bahasa GMEK.

JADUAL 4(a). Faktor-faktor perubahan bahasa ibunda kepada dialek Melayu Sabah GMEK

Bil	Faktor-faktor perubahan bahasa	Kekerapan Peratus
1.	Perubahan penggunaan bahasa berlaku tanpa dirancang.	200/300 (67%)
2.	Perubahan penggunaan bahasa disamakan dengan perubahan fesyen pakaian.	-
3.	Perubahan penggunaan bahasa tetap berlaku walaupun generasi muda kaum Kadazandusun tidak bergaul dengan penutur jati bahasa Melayu.	100/300 (33%)
4.	Perubahan penggunaan bahasa berlaku kerana budaya generasi muda kaum Kadazandusun yang cenderung mengubah gaya hidup.	170/300 (57%)
5.	Perubahan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda kaum Kadazandusun terjadi tanpa disedari.	190/300 (63%)
6.	Percakapan generasi muda kaum Kadazandusun berubah secara beransur-ansur selepas beberapa tahun berada dalam lingkungan persekitaran yang sama.	130/300 (43%)

Generasi muda etnik Kadazandusun lebih kerap menggunakan dialek Melayu Sabah daripada bahasa ibunda sendiri. Data kajian menunjukkan sejumlah 67 peratus sampel berpendapat faktor perubahan penggunaan bahasa berlaku tanpa dirancang. Sampel tidak bersetuju tentang faktor perubahan bahasa yang disamakan dengan perubahan fesyen pakaian.

Sejumlah 33 peratus sampel memilih untuk bersetuju dengan gagasan bahawa perubahan penggunaan bahasa tetap berlaku walaupun generasi muda etnik Kadazandusun tidak bergaul dengan penutur jati bahasa Melayu, dan 57 peratus lagi berpendapat perubahan penggunaan bahasa berlaku kerana budaya generasi muda yang

cenderung mengubah gaya hidup. Faktor perubahan penggunaan bahasa dengan gagasan bahawa perubahan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda etnik Kadazandusun terjadi tanpa disedari adalah sebanyak 63 peratus.

Selanjutnya, 43 peratus sampel memilih faktor perubahan penggunaan bahasa disebabkan oleh percakapan generasi muda etnik Kadazandusun yang berubah secara beransur-ansur selepas beberapa tahun berada dalam lingkungan persekitaran yang sama. Kebanyakan sampel menyokong faktor perubahan penggunaan bahasa mengikut gagasan Teori Fesyen dan Ketidaktentuan Rawak (Postal 1968), yakni perubahan penggunaan bahasa berlaku tanpa dirancang.

JADUAL 4(b). Faktor-faktor perubahan bahasa dalam masyarakat Kadazandusun

Bil.	Faktor-faktor Perubahan Bahasa	Kekerapan/ Peratus
1.	Bahasa berubah seiring dengan keperluan pengguna bahasa yang berubah mengikut arus masa.	170/300 (57%)
2.	Bahasa berubah kerana fungsi bahasa yang berubah.	60/300 (20%)
3.	Kata yang baharu timbul mengikut keperluan pengguna bahasa. Kata yang baharu menggantikan kata lama yang hilang kekuatannya.	70/300 (23%)
4.	Perubahan yang melanda bahasa Kadazandusun berlaku berperingkat-peringkat. Setiap peringkat melibatkan pengubahsuaian yang kecil.	140/300 (47%)
5.	Keadaan bahasa Kadazandusun boleh diibaratkan, “Badan masih kekal Kadazandusun, tetapi semangat telah menjadi Melayu”.	70/300 (23%)
6.	Perubahan yang melanda bahasa Kadazandusun sudah berlaku berabad-abad, sedikit demi sedikit pada satu masa, mengikut kesesuaian keadaan.	160/300 (53%)

Hasil kajian seterusnya menunjukkan perubahan penggunaan bahasa tidak terhenti setakat generasi muda, bahkan turut melibatkan generasi tua. Sampel (57 %) berpendapat faktor utama yang mempengaruhi perubahan penggunaan bahasa dalam masyarakat Kadazandusun di Sabah ialah bahasa berubah seiring dengan keperluan pengguna bahasa yang berubah mengikut arus masa. Sebanyak 53 peratus sampel bersetuju bahawa perubahan bahasa dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan oleh perubahan yang melanda bahasa Kadazandusun sudah berlaku berabad-abad, sedikit demi sedikit pada satu masa, mengikut kesesuaian keadaan. Fenomena tersebut berlaku sejak lama dahulu secara perlahan-lahan. Faktor selanjutnya yang mencatat peratusan sebanyak 47 ialah perubahan yang melanda bahasa Kadazandusun berlaku berperingkat-peringkat, setiap peringkat melibatkan pengubahsuaian yang kecil. Pengubahsuaian yang dimaksudkan lebih melibatkan sistem bunyi vokal dan konsonan, bukan pengubahsuaian makna kata.

Faktor seterusnya ialah ‘Kata yang baharu timbul mengikut keperluan pengguna bahasa. Kata yang baharu menggantikan kata lama yang hilang kekuatannya’. Sebanyak 23 peratus sampel bersetuju dengan item ini. 23 peratus sampel juga bersetuju bahawa perubahan bahasa adalah disebabkan oleh faktor keadaan bahasa Kadazandusun yang boleh diibaratkan seperti, “Badan masih kekal Kadazandusun, tetapi semangat telah menjadi Melayu”. Selain itu, 20 peratus sampel berpendapat faktor perubahan penggunaan bahasa terjadi kerana fungsi bahasa yang telah berubah.

KESIMPULAN

Keputusan penyelidikan ini menunjukkan bahawa impak dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda GMEK adalah sangat tinggi. Perbandingan data daripada Jadual 1 memberi petunjuk bahawa sampel ‘selalu’ menggunakan dialek Melayu Sabah dalam komunikasi sehari-hari, iaitu sebanyak 270 bersamaan 90 peratus berbanding bahasa ibunda yang hanya 60 atau 17 peratus. Dialek Melayu Sabah telah mengambil alih fungsi bahasa Kadazandusun dalam komunikasi sehari-hari GMEK. Mereka lebih gemar menggunakan dialek Melayu Sabah dalam hampir semua situasi, termasuk yang formal dan santai. Penggunaan dialek Melayu Sabah dalam pertuturan tidak hanya terbatas kepada orang luar atau suku kaum lain, malah digunakan sebagai bahasa pertuturan di rumah. Ibu bapa atau penjaga lebih kerap menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa lisan (63 peratus) berbanding GMEK (16 peratus). Lebih daripada itu, sebanyak 10 peratus sampel GMEK tidak menggunakan bahasa ibunda dalam sehari. Ibu bapa yang dwibahasa memilih dialek Melayu Sabah untuk berkomunikasi dengan anak-anak dan bahasa ibunda ialah bahasa antara ibu dan bapa sahaja, rakan sebaya atau generasi tua.

Penggunaan dialek Melayu Sabah dalam kalangan sampel kajian adalah dalam kategori ‘selalu’. Hal ini memberi gambaran bahawa sampel kajian bertutur dalam dialek Melayu Sabah hampir setiap masa meskipun kekerapan penggunaan bahasa mengikut pelbagai situasi menunjukkan penggunaan dialek Melayu Sabah sederhana. Dalam pelbagai situasi, sampel menggunakan bahasa

Melayu baku atau bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dengan kaum Melayu, Cina dan India.

Beberapa perkataan dalam bahasa Melayu masuk ke dalam kosa kata bahasa Kadazandusun melalui kaedah resapan. Pengubahsuaian yang dilakukan tidak mengubah maksud asal perkataan itu dalam bahasa Melayu tetapi sebutan asal berubah menyebabkan perkataan itu tidak dikenali oleh penutur jati bahasa Melayu. Kebanyakan perkataan yang mengandungi fonem e pepet pada awal perkataan digantikan dengan fonem /a/, /o/, atau /u/. Perkataan yang mengandungi fonem e taling diganti dengan fonem /i/. Perkataan yang mengandungi fonem /o/ sama ada pada awal, tengah atau akhir perkataan diganti dengan fonem /u/, seperti dalam contoh yang berikut:

Fonem e pepet <u>(Bahasa Melayu)</u>	Fonem /a/, /o/, /u/ <u>(Kadazandusun)</u>
---	--

Belacan	Balasan
Gergaji	Garagadi
Perintah	Porinta

Fonem e taling <u>(Bahasa Melayu)</u>	Fonem /i/ <u>(Kadazandusun)</u>
--	------------------------------------

Belon	Bilun
Elok	Iluk
Belok	Biluk

Fonem /o/ <u>(Bahasa Melayu)</u>	Fonem /u/ <u>(Kadazandusun)</u>
-------------------------------------	------------------------------------

Kotak	Kutak
Botol	Butul
Tolong	Tulung

Kebanyakan kata adjektif perasaan mendapat penambahan fonem /a/ dan terdapat kata adjektif yang ditambah fonem /o/ tanpa ubahsuai sebutan dan ejaan. Selain itu, perkataan bahasa Melayu yang mengandungi fonem /c/ seringkali diganti dengan fonem /s/. Perkataan yang mempunyai akhiran fonem /a/ dalam bahasa Melayu diganti fonem /o/.

<u>Bahasa Melayu</u>	<u>Kadazandusun</u>
Sayang	Asayang
Rindu	Orindu
Baca	Basao
Mata	Mato

Dialek Melayu Sabah digunakan dengan kerap oleh GMEK, akan tetapi kebanyakan sikap mereka terhadap dialek Melayu Sabah adalah sederhana.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Kadazandusun masih dipandang penting kerana sebanyak 77 peratus sampel tidak setuju bahawa bahasa Kadazandusun tidak penting dalam hidup mereka.

Sebagai kesimpulan, generasi muda etnik Kadazandusun kerap menggunakan dialek Melayu Sabah dalam komunikasi sehari-hari dibandingkan dengan bahasa ibunda kerana perubahan penggunaan bahasa berlaku tanpa dirancang dan tanpa disedari oleh sampel. Sejumlah 67 peratus sampel menyokong faktor ini. Faktor perubahan bahasa paling dominan yang menyebabkan perubahan penggunaan bahasa berlaku dalam masyarakat Kadazandusun ialah bahasa berubah seiring dengan keperluan pengguna bahasa yang berubah mengikut arus masa. Penetapan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menyebabkan bahasa Melayu menjadi bahasa yang sangat penting dalam urusan rasmi. Hal ini menuntut semua rakyat Malaysia untuk mematuhi; oleh itu sampel (57 peratus) bersetuju bahawa penggunaan bahasa ibunda berubah seiring dengan keperluan dan kepentingan penggunaan bahasa Melayu. Kontak yang berterusan dengan kaum-kaum lain memberi alternatif kepada sampel untuk memilih dialek Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi sehari-hari.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Ahmad. 1993. *Fonologi Bahasa Sungai di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aitchison, J. 1998. *Language change: Progress or Decay?* Oxford, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. 1983. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2008. *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Chong Shaw Mei. 2009. Realiti perubahan bahasa dalam kelompok sosial pelajar Kadazandusun di Sabah. Tesis Master Sastera. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Chong Shin. 2009. Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27 (2): 59-71
- Collins, J. T. 1991. Rangkaian dialek Melayu di Pulau Borneo. *Jurnal dalam Jurnal Dewan Bahasa* Ogos: 687.
- Dayu Sansalu. 2008. *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pembangunan: 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding P. S. 2010. Phonological change in Hong Kong Cantonese through language with Chinese topolects and English over the past century. <http://www.abdn.ac.uk/>. Tarikh capaian: 4 Disember 2012

- Ellis, N. C. 2008. The dynamics of second language emergence: Cycles of language use, language change, and language acquisition. *The Modern Language Journal* 92 (2): 232-249.
- Hazadiah Mohamad Dahan, Noor Zaina Idris dan Roslinda Wab. 2011. *The Impact of new technologies on language change in a Malaysian context*. <http://www.researchsea.com/html/article> dan <http://eprints.uitm.edu.my>. Tarikh capain: 20 November 2012 dan 22 Mac 2013.
- Hockett, C. 1958. *A course in Modern Linguistics*. New York: Macmillan.
- Jaludin Chuchu. 2003. *Dialek Melayu Brunei dalam Salahsilah Bahasa Melayu Purba*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Aina Dani. 2004. Teori dan realiti perubahan bahasa: Daripada bahasa Ibunda kepada bahasa Melayu. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu* 9: 45-55
- Noor Aina Dani. 2007. *Pengantar Psikolinguistik*. Siri penataran bahasa dan sastera. sasbadi.
- Noor Aina Dani dan Mhd. Amin Arshad. 2007. Teori dan realiti perubahan bahasa: daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu. *Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Komunikasi* 1: 164-187.
- Dani, N. A., Jaffar, S. B. H., Seruji, Z. B., & Amir, R. B. A. 2011. Asimilasi bermacam jenis kata Melayu pemilikan etnik Dusun di Sabah. *Jurnal Melayu* 8: 67-90.
- Postal, P.M. 1968. *Aspects of phonological theory*. New York: Harper & Row.
- Rahmila Murtiana. 2012. *The Dynamics of English Language Change from the Old Area to the Digital Age*. <http://ejournal.upi.edu/index.php> Tarikh capain: 20 November 2012.
- Raymond Boin Tombung. 1991. *Keluarga Dusun*. Kota Kinabalu: Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

Noor Aina Dani
 Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 43400 Serdang, Selangor De.
 E-mail: aina02@upm.edu.my

Syeril Patrisia Bte Kining
 E-Mail: syeril90@gmail.com

Diserahkan: 09 Mac 2015
 Diterima: 24 Januari 2016

